

## Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

---

**From:** Unit Komunikasi Korporat  
**Sent:** Monday, May 7, 2018 1:08 PM  
**To:** UUM - All Staff; UUM - All Students  
**Subject:** Beramal Di Rumah Anak Yatim



Unit Komunikasi Korporat  
CORPORATE COMMUNICATION UNIT  
Universiti Utara Malaysia

7 MEI 2018 / 21 SYAABAN 1439H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"  
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: SMMTC

### BERAMAL DI RUMAH ANAK YATIM



**UUM ONLINE:** Tanpa mengira kaum dan agama, seramai 13 orang pelajar Perhubungan Awam kumpulan C, Pusat Pengajian Teknologi Multimedia dan Komunikasi (SMMTC) UUM yang terdiri daripada pelajar Melayu dan India telah menganjurkan Program Jalinan Kasih bagi membantu anak-anak yatim di Pusat Jagaan Baitul Mahabbah Al-Hashimi, Kuala Nerang, Kedah.

Program itu bertujuan mewujudkan kesedaran dalam kalangan pelajar dalam membantu masyarakat yang memerlukan.

Pengarah program, Siti Suraya Sawdi berkata program itu diadakan untuk meringankan beban mereka dengan memberi keperluan barangan asas seperti beras, minyak masak dan sebagainya.

"Sumbangan yang diterima adalah daripada pelajar UUM, Unic Leisure Transtour Sdn Bhd, Petronas Bukit Kayu Hitam, Caltex Changlun, Kafe COLGIS serta sumbangan daripada pensyarah, yang telah disampaikan oleh pengarah program dalam acara penutup," jelasnya.

Menurut Siti Suraya lagi, Program Jalinan Kasih ini sarat dengan pelbagai aktiviti yang menjana minda serta menambah ilmu pengetahuan kepada anak-anak yatim berkenaan.

"Program diisi dengan pelbagai aktiviti seperti senaman ringkas dan mini explorace melibatkan 64 murid perempuan sekolah rendah dari pusat tersebut.

"Pelajar di Baitul Mahabbah Al-Hashimi juga mempertontonkan persembahan mereka kepada peserta program," tambahnya.

Sementara itu Cikgu Shabari, Guru Besar di Sekolah Rendah Islam Al-Fateh berkata kumpulan pelajar yang menjayakan program Jalinan Kasih itu merupakan kumpulan pertama daripada UUM yang membuat program di situ dan berharap banyak lagi program oleh pelajar UUM dapat dilaksanakan di Baitul Mahabbah pada masa hadapan.

Turut hadir Pensyarah Kursus Perhubungan Awam, Dr. Mohd Zuwairi Mat Saad.

Kumpulan pelajar ini akan meneruskan lagi program membantu golongan memerlukan seperti di rumah anak yatim sekitar Kedah dan Perlis serta golongan asnaf yang terpilih sempena bulan Ramadan yang akan tiba tidak lama lagi.

Pelajar atau staf yang berminat untuk menyumbang dana dalam bentuk barangan atau wang tunai boleh menghubungi pengarah program Siti Suraya di talian 014-6254969.

DARIPADA:  
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA  
☎ 04-928 3048/3049/3052/3061  
☎ 04-928 3053  
✉ ukkuum@uum.edu.my  
f Universiti Utara Malaysia (Official FB)



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.